

# Pendekatan diplomatik PM teruji lerai kemelut PETROS-PETRONAS

- Sesungguhnya konflik ini boleh menyebabkan pelabur melihat Malaysia sebagai berisiko dari segi peraturan dan dasar

- Dari sudut politik, jika tidak ditangani dengan baik ia boleh menimbulkan sentimen kenegerian di Sarawak yang berpotensi menjajakan sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan



**Oleh Prof Dr Rusdi Omar**  
bhrencana@bh.com.my

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Akhir-akhir ini pertikaian antara Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) dan PETRONAS semakin menonjol sebagai antara isu strategik negara. Ia mencabar asas hubungan negeri-Persekutuan, keutuhan pelaburan asing dan kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Isu yang pada awalnya berbentuk teknikal dan korporat ini berkembang menjadi simbol ketegangan perundangan dan politik antara pusat dengan Sarawak.

Pertikaian ini bermula susulan tuntutan kerajaan Sarawak untuk menguasa sepenuhnya pengurusan sumber gas asli di negeri itu, seiring pelaksanaan Ordinan Pengalihan Gas 2016 (DGO) berkuat kuasa pada 1 Mac yang memberikan kuasa kawal selia kepada negeri.

PETROS, syarikat minyak milik kerajaan Sarawak, mendakwa PETRONAS tidak memiliki lesen sah di bawah ordinar itu untuk mengedarkan gas di negeri itu, sekali gus mencabar kesahihan Perjanjian Jualan Gas Sarawak (SGSA) bertarikh 30 Disember 2019.

Pada 15 Oktober 2024, PETROS memfailkan saman di Mahkamah Tinggi Kuching bagi mendapatkan pengisytiharan bahawa tuntutan jaminan bank RM7.95 juta oleh PETRONAS adalah tidak beretika, tidak sah dan oleh itu batal serta tidak mempunyai sebarang kesan undang-undang.

PETRONAS pula berpendirian haknya di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA) mengatasi undang-undang negeri dan SGSA kekal sah dan boleh dikuatkuasakan.

Dalam afidavit difailkan pada 5 November 2024, PETRONAS menegaskan ia kekal sebagai agregator sah bagi bekalan gas asli di negara ini.

PETRONAS dalam kenyataannya pada 2 Mei menyatakan: "PCSB diberi kuasa mengikut undang-undang di bawah PDA 1974 untuk menjalankan aktiviti syarikat dan mematuhi semua undang-undang yang terpakai. PETRONAS akan terus terbabit secara konstruktif dan bekerjasama rapat dengan kerajaan Persekutuan, kerajaan Sarawak dan Petros."

PETRONAS turut menegaskan komitmennya untuk menjaga kepentingan negara dan memastikan hak semua pihak, termasuk pelabur serta pengguna akhir ditangani dengan sewajarnya.

PETRONAS memohon untuk menggantung prosiding sehingga selesai kes berasingan difailkan Shell SDMS Sdn Bhd terhadap PETRONAS dan PETROS di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, bagi menentukan kepada pihak mana Shell SDMS perlu membuat bayaran gas dibekalkan.

Bagaimanapun, permohonan ini ditolak pada 28 April yang Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Faridz Gohim Abdullah menyatakan sebarang kelewatan akan memudaratkan kepentingan awam dan perbicaraan penuh ditetapkan pada 11 Jun.

Seterusnya, PETRONAS Carigali Sdn Bhd (PCSB) menerima notis pada 30 April daripada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak berkaitan pemprosesan dan pengedaran gas, tetapi ia menegaskan PCSB diberi kuasa mengikut undang-undang di bawah PDA 1974 untuk menjalankan aktiviti syarikat.

"Meskipun kita menghormati aspirasi negeri Sarawak, PETRONAS juga mempunyai kewajipan untuk menegakkan PDA 1974 ini dan menjaga kepentingan negara," ujarnya.

Sesungguhnya konflik ini boleh menyebabkan pelabur melihat Malaysia sebagai berisiko dari segi peraturan dan dasar.

Kesan paling nyata ialah keputusan firma minyak gergasi ConocoPhillips menarik diri daripada projek minyak dan gas laut dalam Salam-Patawali bernilai RM13.7 bilion disebabkan

ketidaktentuan peraturan berpunca daripada pertikaian ini.

Syarikat Minyak Nasional Thailand (PTTEP) yang memegang 42.5 peratus saham dalam projek gas Lang Lebah di luar pesisir Sarawak dilaporkan menangguhkan sementara aktiviti pembangunan dan keputusan akhir projek AS\$6 bilion (RM25.8 bilion) itu sehingga tahun depan.

Shell Malaysia pula memperoleh perintah mahkamah interim pada Januari untuk mengekalkan bekalan gas dari kemudahan Bintulu sementara menunggu penyelesaian pertikaian PETRONAS dengan PETROS.

## Kesan kepada pelaburan asing

Sarawak yang menyumbang lebih 90 peratus eksport LNG negara kini dilihat sebagai zon risiko tinggi oleh pelabur asing. Ketidaktentuan ini boleh memberi kesan kepada rantaian bekalan tenaga dan eksport negara, sekali gus menjejaskan ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Dari sudut politik, jika tidak ditangani dengan baik ia boleh menimbulkan sentimen kenegerian di Sarawak yang berpotensi menjajakan sokongan terhadap Kerajaan Perpaduan, terutama dalam konteks Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang menjadi asas hubungan negeri dan Persekutuan.

Konflik ini lantas menguji kepemimpinan Anwar dalam menyeimbangkan tuntutan autonomi negeri dengan keutuhan kuasa Persekutuan.

Anwar bagaimanapun cepat bertindak dengan mengambil pendekatan rundingan dan berhemah. Beliau terus menghubungi Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg yang berada di London menyebabkan Abang Johari mengumumkan mereka mencapai komitmen bersama untuk menyelesaikannya mencapai komitmen bersama untuk menyelesaikannya

Pada hari sama, Anwar menggesa semua pihak menangguhkan sebarang tindakan atau mengeluarkan sebarang kenyataan mengenai isu itu atas dasar kepentingan bersama.

Beliau berkata, perbincangan lanjut bagi memuktamadkan perkara itu akan diatur sebaik sahaja Abang Johari kembali dari lawatan rasmi ke London.

Anwar secara konsisten menyatakan penghormatan terhadap aspirasi Sarawak, namun menegaskan kerjasama PETRONAS dan PETROS harus berlandaskan prinsip undang-undang sedia ada, termasuk PDA 1974.

Penyelesaian kepada kemelut ini membabitkan soal kepercayaan, rundingan dan masa depan Malaysia sebagai Persekutuan. Pada 9 Mei, dalam satu pertemuan rasmi, Anwar menyatakan beliau dan Abang Johari bersetuju untuk memuktamadkan prinsip asas kerjasama dalam masa terdekat.

Pertikaian ini simbol kekuatan atau kelemahan sistem Persekutuan kita. Malaysia memerlukan kepastian dasar, kejelasan undang-undang dan kerjasama antara pusat-negeri untuk terus kekal kompetitif dalam ekonomi global.

Anwar, sebagai nakhoda Kerajaan MADANI, kini berada pada landasan yang tepat untuk memastikan rundingan ini membuahkan hasil yang mengukuhkan perpaduan nasional tanpa mengorbankan hak mana-mana pihak.

